

RM5j bangunkan kod pesanan berasaskan Internet

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Kerajaan memperuntukkan geran RM5 juta untuk membangunkan kod pesanan guna sama berasaskan Internet seperti RosettaNet untuk berhubung terus dengan pembekal global.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kos perbelanjaan syarikat multinasional dalam menerajui program ini bagi faedah syarikat kecil dan sederhana diberi potongan cukai pendapatan.

“Bagi membolehkan syarikat kecil dan seder-

hana bersaing di pasaran global, mereka perlu menyertai *Global Supply Chain Management Network* bagi perolehan, pengeluaran dan pengurusan logistik secara *on-line* dan *real-time*,” katanya semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Prosper

Sementara itu, bagi meningkatkan penglibatan golongan bumiputera di dalam bidang industri dan perniagaan khususnya di dalam sektor peruncitan, kerajaan te-

lah melancarkan skim Projek Usahawan Bumiputera dalam Bidang Peruncitan (Prosper), katanya.

“Sehingga 8 Oktober 2001, Prosper berjaya melatih 2,997 bumiputera dalam bidang peruncitan,” kata beliau.

Beliau berkata, sebanyak 82 cadangan perniagaan telah diluluskan, di mana 12 daripadanya adalah bagi bekas tentera.

“Bagi tahun 2002, seramai 250 lagi usahawan bumiputera dijangka dapat diwujudkan,” kata Dr. Mahathir.